



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 10/(3)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

21 Februari 2025

22 Syaaban 1446H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr/Datuk LSr/Dato' Indera LSr/Dato' LSr/Tuan LSr/Puan LSr,

PENDAFTARAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PEMBANTU (ASSISTANT) YANG AKTIF DI BAWAH SELIAAN JURUUKUR TANAH BERLESEN (JTB)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 [Akta A1730] dan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 (PPJTB 2024) telah diwartakan pada 22 Oktober 2024 yang mana ianya berkuatkuasa mulai 23 Oktober 2024.

3. Terdapat peruntukan baharu di bawah PPJTB 2024, iaitu subperaturan 24B yang mewajibkan juruukur tanah berlesen (JTB) mengemukakan nama pembantu yang merupakan seorang juruteknologi geomatik atau juruteknik geomatik kepada Setiausaha beserta dengan apa-apa dokumen pengenalan sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

4. Selaras dengan peraturan tersebut, YBhg. Datuk Seri LSr/Datuk LSr/Dato' Indera LSr/Dato' LSr/Tuan LSr/Puan LSr dimohon untuk mendaftarkan dan mengemaskini secara dalam talian maklumat Pembantu di bawah seliaan YBhg. Datuk Seri LSr/Datuk LSr/Dato' Indera LSr/Dato' LSr/Tuan LSr/Puan LSr

dengan mendaftarkan mereka sebagai juruteknologi geomatik atau juruteknik geomatik melalui Borang LJT 8 yang terdapat di dalam sistem eLJT .

5. Dalam hubungan ini, YBhg. Datuk Seri Lsr/Datuk Lsr/Dato' Indera Lsr/Dato' Lsr/Tuan Lsr/Puan Lsr untuk membuat pendaftaran dan pengemaskinian maklumat tersebut mulai 1 Mac 2025 sehingga 1 Jun 2025. Kegagalan pihak YBhg. Datuk Seri Lsr/Datuk Lsr/Dato' Indera Lsr/Dato' Lsr/Tuan Lsr/Puan Lsr berbuat demikian adalah melanggar peruntukan subperaturan 24B yang mana boleh menyebabkan prosiding tatatertib diambil oleh LJT.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k

YBhg. Dato' Lsr Pengerusi Lembaga
- Untuk makluman YBhg. Dato' Lsr